

TA' ZIAH DYMM KAPADA PERSEKUTUAN

BANDAR BRUNEI—Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Melayu pada hari Sabtu lepas kerana menghadiri istiadat memakamkan Almerhum, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Rahman ibnu Tuanku Mohamed.

Ahli2 rombongan baginda itu terdiri dari Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Daud, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksmamana Haji Mohamed Taha, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ismail, juruiring tambahan dan sa-orang lagi.

Almerhum itu telah mangkat dalam beradu di-Istana Negara, Kuala Lumpur pada pagi hari Juma'at lepas.



Almerhum Tuanku Abdul Rahman
ibnu Tuanku Mohamed.

Suasana hari raya yang riang dan gembira di-negeri ini telah mendong sa-baik sahaja berita kemangkatan itu di-hebahkan oleh Radio Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah memerentahkan supaya bendera2 di-kibarkan sa-tengah tiang sa-bagai menghormati almerhum itu.

Bendera2 telah di-kibarkan sa-tengah tiang lagi sa-malam hingga esok. Almerhum itu telah di-makamkan di-makam Diraja Negeri Sembilan di-Seri Menanti.

Berikutan dengan berita kemangkatan itu temasha berhari raya di-Istana Darul Hana telah di-rengkaskan kerana Duli Yang Maha Mulia dan Istana berduka-chita atas kemangkatan tersebut.

Kemangkatan itu sangat mengharu ra'ayat negeri ini kerana baharu sahaja dalam bulan July tahun lepas almerhum itu mengadakan satu kunjongan salatulahim ka-negeri ini.

Dalam lawatan yang mengambil masa sa-lama sembilan hari itu almerhum itu telah merapatkan lagi tali persaudaraan dan persahabatan antara Brunei dengan Malaya.

Sa-bagai mengingati lawatan itu sa-bauh tiang kenangan telah di-bena di-Jalan Sultan, Bandar Brunei dan almerhum itu sendiri telah bermurah hati mendedahkan kain tudong pembenaan tiang yang mendukung empat muka jam di-kemunchak-nya.

Dalam pada itu warga negara Persekutuan yang berkhidmat di-negeri ini telah berkabung. Banyak songkok yang di-pakai kelihatan berlilit dengan kain putih pada masa sembahyang Juma'at di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada hari kemangkatan itu.

Almerhum itu telah di-pilih oleh Raja2 Melayu menjadi Yang di-Pertuan Agong Persekutuan yang pertama dalam bulan August tahun 1957 dan di-tabalkan dalam bulan September, dua hari sa-lepas Persekutuan Tanah Melayu menjadi sa-buah negara yang berdaulat.

Sa-belum itu almerhum itu ialah Yang di-Pertuan Besar Negri Sembilan dan telah naik takhta kerajaan dalam tahun 1933 menggantikan paduka ayahanda-nya yang telah mangkat.

Tuanku Abdul Rahman telah di-puterakan 64 tahun dahulu di-Negri Sembilan dan sa-telah mendapat pelajaran Melayu dan Inggeris telah di-lantek menjadi pegawai pertadbiran Negeri2 Melayu Bersekutu.

Almerhum telah menuntut ilmu undang2 di-England sa-lama tiga tahun dari tahun 1925 dan ia-lah putera Melayu yang kedua mendapat kelulusan menjadi peguam.

Tarikh sidang Majlis

MAJLIS Meshuarat Negeri yang akan datang akan di-adakan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei, pada hari Rabu 13 April ini mulai dari pukul 9.30 pagi.

SETIA USAHA KERAJAAN HADHIRI ISTIADAT

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Negeri Brunei telah di-wakili oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Umar dalam istiadat memakamkan Almerhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, Tuanku Abdul Rahman ibnu Tuanku Mohamed.

Inche Wan Ahmad telah berlepas dengan kapal terbang bersama rombongan Duli Yang Maha Mulia pada hari Sabtu lepas, ka-Singapura dalam perjalanan ka-Kuala Lumpur.

Almerhum itu telah di-makamkan di-Seri Menanti, Negri Sembilan sa-malam.

Inche Wan Ahmad dan rom-

bongan Duli Yang Maha Mulia itu balek ka-Brunei pada hari ini.

Uchapan dari Pesuruh Jaya Tinggi

BANDAR BRUNEI — Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Tuan D.C. White, telah menyampaikan ucapan "Selamat Hari Raya" kepada penduduk2 Islam di-negeri ini melalui Radio Brunei.

Dalam u c h a p a n - n y a Tuan White berkata:

"Di-mana juga tuan2 dan puan2 berada, ini-lah satu lagi tanda kemajuan yang besar yang telah dapat dilakukan di-Brunei dalam beberapa tahun yang lalu ia-itu akibat dari panduan yang bijaksana dari Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.

"Puasa yang sa-bulan itu sudah habis, dan Hari Raya, hari bersukaria yang sa-ngat2 di-muliakan oleh sakalian kaum Muslimin sama ada muda atau tua, menjelang pula untuk kita memanjangkan salatulahim.

"Maka dengan muhibbah yang sa-rupa itu, dapat-lah kita terus berjalan ka-arrah kemajuan dengan perasaan aman dan damai yang mana Brunei memang terkenal.

"Kapada Duli Yang Maha Mulia, dan keluarga-nya, dan sakalian ra'ayat-nya yang beragama Islam, saya ucapkan segala keriaan, keamanan dan kema'moran."



Duli Yang Maha Mulia di-iringi oleh pegawai2 ugama berjalan ka-keindahan Diraja untuk berangkat balek ka-Istana sa-telah sembahyang Hari Raya di-mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Menteri Besar buka sidang guru2 Melayu

BANDAR BRUNEI — Penyata tahunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bagi tahun 1959/60 telah di-laporkan dalam mesuarat agong persekutuan tersebut yang di-adakan di-dewan SOAS College di-sini pada hari Ithnin lepas.

Penyata itu antara lain2 membentangkan kerja2 yang telah di-jalankan dalam tahun lalu. Antara-nya ia-lah :—

◆ Perayaan PGGMB 20 tahun telah di-selenggarakan dengan mendapat sambutan yang meriah. Perayaan itu di-adakan sa-lama 4 hari dari 28 hingga 31 December tahun lepas.

◆ Undang2 tuboh persekutuan sa-telah di-halusi oleh jawatan kuasa tadbir telah di-usahakan untuk di-bukukan dengan lain2 undang2 persekutuan.

◆ Guru2 melawat ka-negeri2 lain. Persekutuan telah memohonkan kepada kerajaan supaya guru2 Melayu dapat melawat keluar negeri dengan berombongan. Tempat2 yang akan di-lawati itu akan di-tentukan oleh kerajaan.

◆ Sewa rumah kerajaan dan bunga wang pinjaman kerana membangunkan rumah sendiri.

Perkara ini sedang di-timbangkan oleh kerajaan.

◆ Membaiki dan membanyakkan buku2 pelajaran. Perkara ini di-tanggohkan sementara dengan alasan bahawa baharu2 ini kerajaan telah mengadakan pemeriksaan atas pelajaran. Dari keputusan atas peperiksaan itu nanti baharu-lah menetapkan sama ada mengusulkan atau pun tidak.

◆ Dasar pelajaran. Kerajaan telah menunaikan permintaan persekutuan dengan mengirinkan sa-naskhah "Chadangan Perubahan Dasar Pelajaran." Tetapi oleh hal ini tidak menepati sa-

bagaiman yang di-kehendaki, persekutuan telah melantek suatu jawatan kuasa khas bagi men-chadangkan kepada kerajaan berhubung dengan Dasar Pelajaran Negeri Brunei.

◆ Maktab Perguruan Bahasa. Persekutuan mendesak supaya guru2 Melayu di-beri peluang belajar di-Maktab Perguruan Bahasa di-Kuala Lumpur.

◆ Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di-Brunei. Bahasa Melayu telah di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi di-negeri ini.

◆ Jawatan kuasa ejaan Rumi Malaya-Indonesia. Persekutuan telah mengeshorkan kepada kerajaan supaya berhubung dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan sa-berapa segera dalam perkara ini.

Mesuarat agong itu ia-lah kali yang ke-13 dan telah di-buka oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar.

PENUNTUT2 UGAMA JAYAKAN PERADUAN BACHAAN KORAN

BANDAR BRUNEI — Penuntut2 ugama dari Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di-Malaya dan Singapura telah mengadakan satu majlis peraduan bachaan Koran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 15 March yang lalu.

Penuntut2 itu berada di-sini kerana berchuti puasa dan hari raya.

Majlis itu telah di-langsungkan sa-bagai menyambut turun-nya Koran dan di-adakan di-bawah naungan Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Penuntut2 dari Kolej Islam, Klang dan Madrasah2 Aljunid dan Alsagoff, Singapura telah bersungguh2 menjayakan peraduan itu.

Sa-belum peraduan akhir peraduan pemilehan telah di-adakan di-Mesjid tersebut empat hari terlebih dahulu.

Lebeh daripada 50 orang laki2 termasuk kanak2 telah masuk bertanding dalam peraduan pemilehan. Antara-nya, 4 orang dewasa dan 4 orang kanak2 telah di-pilih untuk pertandingan akhir.

Pengiran Mohidi bin Pengiran Omar dari Kampong Kianggeh, Bandar Brunei telah memenangi piala perak rebutan tahunan yang di-hadiahkan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada johan bahagian dewasa.

Piala perak rebutan tahunan, hadiah daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar, untuk johan bahagian kanak2 telah di-menangi oleh Mashhud bin Damit.

Keputusan penoh ada-lah seperti berikut :

Bahagian Dewasa: Pengiran

Mohidi bin Pengiran Omar (1), Mohaimin bin Dato Imam (2), Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam (3) dan Abdul Wahab bin Mohamed (4).

Bahagian Kanak2: Mashhud bin Damit (1), Sahari bin Awang Hussein (2), Taib bin Awang Tuah (3) dan Omar bin Alhaji Sarudin (4).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed.

Pengiran Momin bin Pengiran Othman sa-bagai wakil Persatuan Islam Brunei telah memberi sedikit ucapan atas tujuan mengadakan peraduan itu.

Majlis itu telah di-tamatkan dengan do'a oleh Pehin Siraja Khatib dan jamuan nasi.

MURID2 DARI BORNEO MENUMPANG BERMALAM DI-ASRAMA SOAS

BANDAR BRUNEI — Tiga belas orang murid dan dua orang guru dari sekolah Inggeris Sung Siew Secondary School, Sandakan telah singgah di-sini dan bermalam di-asrama SOAS College malam tadi.

Mereka itu ada-lah dalam perjalanan balek ka-Sandakan sa-telah melawat ka-padang minyak Seria sa-lama 5 hari.

Enam orang daripada mereka dan sa-orang guru yang berlepas dari Sandakan sa-hari terlebih dahulu dalam perjalanan ka-Seria telah bermalam di-asrama tersebut pada 31 March.

20 penuntut ka-Malaya dalam tahun hadapan

BANDAR BRUNEI — Dua puluh orang penuntut dari negeri ini akan di-hantar ka-University of Malaya di-Singapura dan Kuala Lumpur dalam tahun hadapan kerana mempelajari berbagai2 ilmu.

Ini telah di-umumkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dalam perjalanan beliau balek ka-Brunei dari persidangan ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh baharu2 ini.

Penuntut2 itu akan di-kehendaki mempelajari ilmu sains, pertanian, teknologi dan lain2.

Apabila penuntut2 itu berlepas kelak bilangan penuntut2 Brunei di-seberang laut akan berjumlah hampir 150 orang.

Negeri ini sekarang mempunyai 40 orang penuntut di-beberapa buah maktab di-Malaya, 25 di-Singapura, 4 di-Australia, 6 di-sabua maktab latehan guru2 di-Borneo Utara, 2 di-Canada, 4 di-Mesir, sa-orang di-India dan hampir 50 orang di-beberapa buah sekolah dan kolej di-United Kingdom.

Permainan pancharagam

KUALA BELAIT — Pancharagam Polis Brunei akan bermain di-padang di-sini pada 10 April mulai dari pukul 5.30 petang.

Pancharagam itu di-pimpin oleh Tuan A.W. Croft, bekas pengarah pancharagam Polis Persekutuan Tanah Melayu.

Permainan itu di-adakan sa-bagai menyambut gerakan "jadi-lah pemandu kereta yang baik" yang dianjurkan oleh Lembaga Keselamatan Jayan Raya, Kuala Belait.

Bakal pengetua sekolah gambar?



Awangku Shariffudin bin Pengiran Matali telah berlepas ka-United Kingdom hari ini dengan kapal terbang kerana menuntut ilmu urusan sekolah gambar.

Beliau telah mendapat latehan permulaan disekolah gambar Kuching, Sarawak, di-bawah pimpinan Tuan Tom Harrison, Pengarah Urusan Sekolah Gambar, Sarawak sa-lama tiga tahun.

Awangku Shariffudin akan mendapat latehan di-universiti2 London, Oxford dan Cambridge dan sa-lepas itu akan melawat ka-Amerika Sharikat untuk memerhatikan pertadbiran sekolah2 gambar di-negeri itu.

Awangku Shariffudin di-jangka akan mengetuai sekolah gambar Brunei apabila sekolah itu di-buka kelak.

BIDUAN DAN BIDUANITA DARI BELAIT JADI JOHAN

Peraduan Bintang Hari Raya juga di-adakan

BANDAR BRUNEI—Chalon2 dari Daerah Belait telah memenangi gelaran johan laki2 dan perempuan dalam peraduan menyanyi bagi biduan dan biduanita seluruh Negeri Brunei yang di-langsungkan di-sini pada malam dua Hari Raya ini.

Peraduan itu di-anjarkan oleh Radio Brunei untuk memilih biduan dan biduanita yang baik sa-kali bagi tahun 1960, dan telah di-adakan di-dewan Civic Centre.

Johan laki2 ia-lah Ali bin Paun berumur 34 tahun dan johan perempuan ia-lah Norjana binti Mohamed Noor berumur 17 tahun.

Mereka itu ia-lah juga johan laki2 dan perempuan dalam peraduan pemilihan bagi biduan dan biduanita Daerah Belait yang telah di-adakan terlebih dahulu di-dewan Pejabat Penerangan, Kuala Belait.

Peraduan akhir itu telah di-saksikan oleh ramai penuntut yang telah di-undang dari selu-

lim, Mat Som bin Mohamed Hashim dan Yusof Imbee telah menghakimkan pertandingan tersebut.

Isteri Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf telah menyampaikan hadiah2 kepada biduan2 dan biduanita2 yang berjaya. Keputusan-nya ia-lah seperti berikut :—

Bahagian laki2: (1) Mohamed Ali bin Haji Paun (Belait)—368 mata, (2) S.H. Alias (Belait)—340 mata, (3) H.M. Allen dari (Brunei) — 336 mata dan (4) H.B. Adnani (Brunei)—321 mata.

Bahagian wanita: (1) Norjana binti Mahamed Noor (Belait) — 373 mata, (2) Sahara binti Ahmad (Brunei) — 357 mata, (3) Rashidah binti Haji Sabli (Belait)—353 mata dan (4) Hamidah binti Awang Damit (Brunei) —307 mata.

Sa-lain dari pertandingan kerana merebutkan gelaran johan bintang radio seluruh Brunei tahun 1960, pertandingan bintang Hari Raya tahun 1960 telah di-adakan di-pangggong Ang Kim Boey.

Johan pertandingan bintang Hari Raya itu telah di-hadiahkan teket kapal terbang percuti ka-Jesselton dan balek ka-Brunei.

Yang Berhormat Pengiran M. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negara dan Yang di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Brunei telah menyampaikan hadiah kepada

pemenang2 dalam pertandingan bintang Hari Raya.

Johan bagi pertandingan itu ia-lah M.S. Bakri dari pancharagam Polis Brunei.

Naib johan ia-lah Idris Mohamed, juga dari pancharagam Polis Brunei.

Pemenang2 lain ia-lah P. Samin, A. T. Ahmady dan A. B. Suhaili.

Pancharagam Puspa Orkest di-bawah pimpinan Inche Ibrahim Yahya telah bermain pada malam pertandingan di-adakan.



Norjana binti Mohamed Noor



Ali bin Paun

roh negeri oleh Radio Brunei. Mereka itu menyaksikan pertandingan yang pertama kali di-adakan di-negeri ini.

Orang2 yang tidak dapat menyaksikan pertandingan itu di-Civic Centre telah di-beri peluang mendengar nyanyian biduan dan biduanita itu melalui radio.

Persediaan telah di-buat terlebih dahulu bagi Radio Brunei memancarkan suara terus dari Civic Centre pada malam tersebut.

Sa-lain dari pertandingan tersebut Radio Brunei telah juga mempersembahkan nyanyian2 oleh penyanyi2 yang di-gemari ramai.

Tarian "dewa dewi" oleh anggota2 perempuan Radio Brunei dan lawak jenaka Aman Belon Brunei telah mendapat perhatian istimewa.

Pancharagam champoran Brunei—Belait, di-bawah pimpinan Inche Sharif Ismail telah bermain pada masa pertandingan di-langsungkan.

Inche2 Wan Badul Aziz Ma-



Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof, Pegawai Penerangan Negara, menyampaikan hadiah kepada M.S. Bakri, johan peraduan bintang Hari Raya di-pangggong Ang Kim Boey.



Che Salmah binti Yusof, isteri Yang Berhormat Pengiran Yusof, menyampaikan hadiah kepada johan bintang radio bahagian perempuan Norjana binti Mohamed Noor.



Biduan dan biduanita yang mengambil bahagian dalam peraduan bintang radio tahun 1960 bergambar ramai sa-telah peraduan di-tamatkan di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei.

"JONG BATU" ELOK DI-JADIKAN DASAR DIDEKAN

Tidak berapa jauh dari Kampong Ayer, Bandar Brunei tersergam sa-buah pulau kecil. Pulau itu di-perchayai oleh penduduk2 negeri ini sa-bagai bekas bahtera Nakhoda Manis, sa-orang ahli pelayaran dan saudagar dalam kurun Masehi yang ke-16.

Bentuk pulau itu kebanyakan merupakan saperti jong dan kadang2 ada orang berjumpa batu yang berbentok saperti kemudi, rantai sauh dan lain2 perkakas kapal.

Bahtera itu dan segala isinya di-katakan telah menjadi batu sa-telah di-sumpah oleh sa-orang perempuan tua yang tidak di-akui ibu oleh nakhoda tersebut.

ZAMAN KEEMASAN

Tetapi bila membicarakan kesah Nakhoda Manis samalah erti-nya kita menjangkakan kembali ka-zaman Brunei dengan zaman keemasan-nya di-bawah pemerintahan Sultan Bolkiah.

Keseluruhan-nya untuk pendidekan pada kanak2 cherita Jong Batu atau Nakhoda Manis tidak dapat di-ketepikan bagitu sahaja, terutama pada anak2 yang menempoh zaman besar-nya nanti.

Cherita donging sejarah ini penuh dengan pengajaran terutama pada anak2 yang ada sekarang dan akan datang.

Kesah ini terchatit dalam sejarah Brunei, dan ia-lah suatu cherita yang membawa pengertian besar pada alam pendidekan anak2 terutama mengajarnya supaya selalu patoh pada perenteh dan tidak berani derhaka pada orang tua-nya apa bila besar nanti.

CHERITA DONGING

Cherita itu ia-lah cherita "Jong Batu" atau lebih dikenali dengan nama "Nakhoda Manis."

Kesah ini di-analisa dari Sejarah Brunei buah karangan Yura Halim dan Jamil Omar dengan di-tokoktambah dari donging cherita2 mulut, yang sudah tidak asing lagi pada orang2 Brunei.

Kesah yang demikian aliran tema-nya ada kedapatan juga di-satengah2 negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu, walaupun pun nama-nya berlainan.

Ada kemungkinan tujuan orang tua2 yang mengarang cherita itu untuk pendidekan pada anak2 supaya jangan derhaka kepada ibu-nya.

Jong Batu atau Nakhoda Manis ia-lah sa-buah cherita sejarah yang sayu hiba yang tidak dapat di-lupakan bagitu saja oleh anak2 Brunei, kerana ia membawa pendidekan yang sangat2 bernilai.

Sa-moga dengan analisa

yang sa-pintas lalu ini akan membuka hati para2 ibu bapa supaya mencheritakan kesah ini kepada anak2-nya dengan tujuan yang tertentu itu.

Menganalisa isi cherita ini ada baik-nya kita ambil dari tiap2 kejadian dan perenan penting dalam lakun cherita ini.

Dayang Ambun, dalam cherita ini membayangkan betapa kaseh sayang sa-orang ibu terhadap anak-nya sa-hingga sanggup berkorban harta benda, bersedekah kepada fakir miskin untuk mendo'akan keselamatan anak-nya di-luar tanah ayer. Perbuatan-nya itu menyebabkan ia menjadi miskin dan melarat, walaupun pada mula-nya Dayang Ambun mempunyai kekayaan tujuh gedong di-laut dan tujuh gedong di-darat.

Dalam kehidupan orang2 Melayu, memang rasa kaseh sayang saperti yang di-lakukan oleh Dayang Ambun itu selalu berlaku. Kerana menurutkan rasa kaseh sayang ia sanggup berkorban apa saja asalkan atas keselamatan anak-nya.

KOLOT FIKIRAN

Watak yang di-bayangkan oleh Dayang Ambun dalam cherita sejarah ini memang tidak dapat di-sangkal ada-nya pada kebanyakkan kaum2 ibu yang kolot chara berfikir-nya.

Suatu kejadian yang tidak dapat di-lupakan, ia-lah pada babak akhir di-mana Dayang Ambun mengeluarkan perkataan2 yang memaksa kita mengenang kembali pada peristiwa yang telah lalu, sa-waktu ia merapatkan perahu-nya yang rumpung dekat kapal Nakhoda Manis dengan berkata:

"Wahai anak-ku, tidak-kah engkau ingat pada ayam-mu, Si-Rintek, yang engkau sayangi dahulu. Sekarang ayam itu sudah besar. Ayam yang selalu engkau beri makan tiap pagi dan petang sa-masa engkau belum meninggalkan ibu?"

ADA PENGERTIAN

Kalau di-perhatikan perkataan itu sa-kali imbas tiada mengandungi pengertian apa2, tetapi jika kita selidiki lebih mendalam, tentu akan terbit dari jiwa kecil kita bahawa anak yang mendengar perkataan itu akan mengenang kembali kesah2-nya di-waktu kecil dahulu sebab ayam yang di-katakan oleh ibu-nya itu-lah kesayangan Nakhoda Manis. Satu unsur yang mendorong mengenang kembali kepada ibu yang melahirkan dan membesarkan-nya.

Tetapi oleh kerana dorongan

perasaan malu, Nakhoda Manis, terutama pada isteri-nya orang lain negeri, dan anak2 kapal-nya maka kenangan lama itu terpaksa di-peram-nya bagitu saja.

Lebeh2 lagi ia tidak perchaya sama sakali bahawa perempuan tua yang merumis mengaku ibu-nya itu, ibu-nya yang sa-benar2nya, kerana yang ia tahu bahawa ibu-nya ia-lah sa-orang yang kaya raya.

Apa-kah perasaan yang serupa ini tidak dapat kita akui kebenarannya?

LEMAH LEMBUT

Satengah2 orang pula menukarkan perasaan itu, tetapi pada kebanyakan orang2 Melayu yang halus perasaan-nya dan lemah lembut perangainya maka rasa belas kasehan itu tidak dapat di-pisahkan sama sa-kali dari dasar jiwa-nya.

Itu, ada-lah watak pembawaan sa-mula jadi orang2 Melayu. Jadi tidak hairan kalau Nakhoda Manis itu hanya terpaksa oleh dorongan malu pada isteri-nya dan kawan2-nya saja maka ia tergagak tidak memperdulikan ibu-nya itu.

".... Dengan pakaian yang amat burok dan koyak rabik dan dengan perahu-nya yang rompong dan pengayoh-nya yang sumbing, berkayoh-lah perempuan tua itu menuju kapal Nakhoda Manis, anak yang di-nanti2-nya sa-tiap siang hari dan malam itu, — Demikian di-cheritakan oleh orang tua2.

BERCHAMPOR DUKA

Suggoh membayangkan kepada kita betapa sedih dan pilu berchampur duka perempuan tua itu mengayuhkan perahu-nya, dengan tenaga yang ada pada-nya — lemah dan tidak bermaya—suatu pemandangan yang sangat2 menyayu-pilukan.

Dan suatu peristiwa sedih yang tidak dapat kita lupakan bagitu saja, ia-lah sa-waktu Dayang Ambun tidak di-akui ibu oleh Nakhoda Manis dan di-tolakkan dengan bantai (galah) oleh anak kapal.

Mengikut satengah2 cherita mulut, Dayang Ambun tidak mengizinkan sama sa-kali ayer susu yang telah di-berikannya kepada Nakhoda Manis dari saat itu.

Satengah2 orang pula menyalahkan Dayang Ambun sa-bagai sa-orang ibu yang tidak mempunyai kesabaran hendak berjumpa dengan anak-nya sa-hingga ia tidak dapat mengenal diri-nya yang sudah jadi miskin dan merumis itu.

Tentang ini kita tidak dapat

menyalahkan bulat2 kepada Dayang Ambun, kerana menurut hukum perpisahan antara anak dan ibu sudah tentu perasaan rindu dendam hendak lepas berjumpa itu tidak dapat di-tahan2.

Satengah2 orang pula menyalahkan Nakhoda Manis kerana berlaku kasar pada ibu-nya sa-hingga tergagak menyuruh anak2 kapal-nya menolak dengan buloh pada perahu Dayang Ambun, dan tergagak mengatakan bahawa Dayang Ambun itu bukan ibu-nya.

Kapada kita, kita salahkan bulat2 kepada Nakhoda Manis sa-bagai pemuda yang tidak bertanggung jawab. Hilang perasaan kasehkan itu kerana malu pada isteri dan tergagak menyumpah seranah ibu-nya kerana melihat ibu-nya sudah menjadi sa-orang yang tidak berguna lagi.

MEMOHONKAN DOA

Maka sudah sa-timpal-lah balasan apa yang di-lakukan oleh ibu-nya (Dayang Ambun) itu, dengan memohonkan do'a kepada Tuhan agar turun-lah angin ribut menenggelamkan kapal Nakhoda Manis.

Tuhan mengkabulkan do'a Dayang Ambun, dengan satejap masa sahaja turun-lah angin ribut menenggelamkan kapal Nakhoda Manis.

Masa kapal-nya akan karam itu baharu-lah Nakhoda Manis menyesal dan insaf akan perbuatan-nya terhadap ibu-nya Dayang Ambun itu, sa-hingga ia berteriak2: "Ibu... ibu... ibu... ampunkan-lah dosa-ku ibu, aku sa-benar-nya bersalah ibu-lah ibu-ku yang sa-benar2-nya...."

Belum habis perkataan itu di-ucapkan oleh Nakhoda Manis maka kapal-nya pun karam-lah.

HUKUMAN PECHAH AMANAH

KUALA BELAIT — Hukuman penjara 12 bulan telah dijatuhkan oleh Hakim Besar, Sir John Ainley, ka-atas Luke Wong, sa-orang kaki tangan sharikat Borneo Motors di-sini kerana kesalahan pechah amanah.

Wong telah di-tudoh memecah amanah wang \$2,500, \$700 dan \$3,000 sa-masa berkhidmat dengan sharikat tersebut. Satu tuduhan lagi ia-lah Wong telah memecah amanah mengenai sa-buah motor yang di-nilaian harga-nya sa-banyak \$2,500.

Tatkala menjatuhkan hukuman Sir John Ainley telah menimbangkan dua tuduhan lain yang sa-rupa itu juga bahawa Wong telah memecah amanah \$1,500 dan \$1,000.

Uchapan 'Selamat Hari Raya' dari D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan "Selamat Hari Raya" baginda menyeru seluruh ra'ayat supaya bertanggung jawab di atas kemajuan dan kebaikan Negeri Brunei.

"Pemimpin negara, pembesar negara dan pegawai2 kerajaan negeri semua mereka ini ada-lah pegawai dan hendak-lah bertanggung jawab atas pemerintahan negeri," titah baginda.

Uchapan baginda itu antara lain berbunyi:

"Pada 29 haribulan September tahun yang lepas, beta telah mengisytiharkan satu Perlembagaan baharu yang bertulis yang telah mendatangkan satu chorak pertadbiran yang beta puas hati bersesuaian dengan chita2 ra'ayat.

"Beta faham bahawa maseh ada juga di antara ra'ayat yang belum lagi faham akan tujuan2 Perlembagaan ini. Beta tidak berasa shak dan sa-balek-nya beta anggap bahawa mereka2 yang telah menunjukkan perasaan yang tidak puas hati kepada Perlembagaan baharu itu, boleh jadi ada menaruh chita2 yang baik terhadap tanah ayer, tetapi biar-lah kita bersabar dalam menjalankan pekerjaan kita bagi mencapai chita2 itu.

"Sungguh pun negeri kita tidak kekurangan wang, tetapi hen-

dak-lah kita mengingat bersama, pada masa ini kita maseh lagi kekurangan di-serba serbi pelajaran dan ilmu pengetahuan untuk membolehkan kita semua membentok nasib perjuangan ra'ayat negeri ini, dengan terator dan kejayaan.

"Pada hari yang mulia ini beta menyeru kepada tuan2 sakalian supaya berkerja dengan kuat dan jujur hati terhadap tanah ayer.

"Beta juga menguchapkan terima kasih dan shukur atas ta'at setia-nya ra'ayat terhadap Kerajaan dan atas kerjasama yang telah di-beri kepada Kerajaan beta.

"Sa-bagai ketua Ugama Islam dalam Negeri ini, beta sukachita menyatakan bahawa hari ini ia-lah satu daripada hari kebesaran Islam yang penuh dengan hikmat dan rahsia2 bagi kama-

juan dan kekuatan umat Islam.

"Beta dengan sukachita menyeru kepada tuan2 kaum Islam di-Negeri Brunei ini, mari-lah kita menyambut atau meraikan hari yang mulia ini dengan mengadakan perjumpaan dan jamuan2 yang halal.

"Hari ini ia-lah juga untuk dzarah mendzarahi kaum keluar-ga dan sahabat handai, buat mengukuhkan tali muhibbah dan menghubungkan silaturahim yang di-kehendaki oleh Ugama dan masharakat kita.

"Tadi beta telah sebutkan yang kita baharu sahaja mempunyai perlembagaan, dan sung-goh pun berjalan dalam beberapa bulan saja tetapi pada masa ini negeri kita Brunei telah melangkah ka-hadapan untuk menuju ka-gerbang bekerajaan sendiri yang penuh tetapi sebelum itu maka hendak-lah kita mengisi dan menyiapkan diri kita sa-bagai penduduk yang bertanggung jawab kerana untuk mencapai dan supaya tidak payah menjalankan dan mentadbirkan-nya kelak.

"Oleh yang demikian dari satinggi2 yang bertanggung jawab di-dalam negeri ini ia-itu Ketua Negara hingga kadapa ra'ayat, termasuk Wazir, Cheteria, Menteri, ketua dan pegawai2 Kerajaan hendak-lah bertenggang jawab di atas maju-nya dan kebaikan Negara Brunei ini.

"Puncha kemajuan itu ia-lah ta'at, dan amanah serta jujur, dari itu hendak-lah di-jadikan ta'at setia kita yang tidak berbelah bagi itu menurut dasar kebenaran dan untuk kebajikan yang di-redzai Tuhan.

"Pada menyambut dan meng-ambil sempana hari yang mulia ini, beta menyeru pada anak2 yang maseh belajar di-bangku sekolah tuntut-lah ilmu pengetahuan bersungguh2 dan mudah2an kamu akan berjaya serta akan dapat memberikan pertolongan dan berguna kepada kerajaan, bangsa dan negara kamu."

UCHAPAN DARI MENTERI BESAR

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar menyampaikan perasaan muhibbah-nya kepada penduduk2 negeri ini dalam satu ucapan "Selamat Hari Raya".

Dato Haji Ibrahim uzor sa-masa menyambut Hari Raya tetapi sekarang telah baik sa-mula. Dato itu berkata :

"Pada hari ini kita sekalian bersuka ria menzahirkan perasaan shukur kepada Allah Subahanahu Wata'ala.

"Satu kelaziman di-antara orang2 muslimin pada hari ini ia-lah berziarah karumah2 sahabat handai dan menguchapkan selamat ber-bahagia, dan minta ma'af2-an di atas segala yang telah berlaku zahir dan batin.

"Saya dukachita oleh sebab keuzoran dirisaya, saya tidak dapat bertemu dengan tuan2 dan puan2 sakalian tetapi memadai-lah dengan ucapan ini saya menyem-paikan perasaan muhibbah saya kepada tuan2 dan puan2 sakalian".

Tawaran 2 dermasiswa dari Hongkong University

BANDAR BRUNEI.—Dua dermasiswa telah di-tawarkan oleh Hongkong University kepada pegawai2 negeri ini untuk melanjutkan pengetahuan mereka dalam lapangan sains, arts, perubatan, dan lain2.

Dermasiswa itu akan di-bayar sa-lama dua tahun dari hujung tahun ini.

Sa-masa menuntut di-Hongkong sara hidup dan berbagai2 allowance yang di-perlukan akan di-bayar.

PERWAKILAN KA-FORMOSA

BANDAR BRUNEI — Dua orang pegawai Kerajaan akan berlepas ka-Formosa pada hari Juma'at hadapan kerana meng-hadhiri istiadat pembukaan sabuah mesjid di-Taipeh, ibu kota China Kebangsaan.

Mereka itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamed dan Inche Ishak bin Adam, Kadhi Tutong.


Jemputan menghadhiri istiadat itu telah di-keluarkan oleh Persatuan Islam Formosa.

Pemergian kedua orang pegawai itu di-jangka akan merapatkan perhubungan salaturahim antara orang2 Islam negeri ini dengan saudara2 Islam mereka di-Negeri China.

Pengiran Kerma Indera dan Inche Ishak akan balek ka-Brunei pada 21 April sa-telah berada beberapa hari di-Taipeh dan singgah di-Hongkong dalam perjalanan pergi dan balek.

Satengah2 dari syarat permohonan dermasiswa itu ia-lah pegawai2 itu hendak-lah mempunyai izajah university, ra'ayat commonwealth dan berumur tidak lebih dari 35 tahun pada 1 October, 1960.

Surat2 permohonan hendak-lah di-hantarkan kepada Pengarah Pelajaran Hongkong supaya sampai tidak lewat dari 30 haribulan ini.



Pemenang2 peraduan bacaan Koran di-bawah anjoran jawatan kuasa malam penyambutan turun-nya Koran bergambar ramai dengan beberapa orang ahli2 jawatan kuasa sambutan itu.

Lawatan pegawai penerangan

BANDAR BRUNEI — Tuan J. S. Bennett, pengarah Perkhidmatan Penerangan Kawasan di-pejabat Pesuruh Jaya Agong British di-Singapura akan melawat ka-Brunei sa-lama dua hari dari 9 April.

Ranchangan lawatan Tuan Bennett itu mengandongi lawatan ka-padang minyak Seria.

Ketua seksi wanita perlukan urusan kampung

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang wanita dari kalangan kaum tani telah memilih gelanggang siasah untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara dan telah mencheborkan diri-nya dalam partai politik yang tunggal di-negeri ini semenjak beberapa tahun dahulu.

Gadis muda remaja itu ia-lah Saudari Mahani binti Mr. Yasin, di-lahirkan 17 tahun yang lalu di-Kilanas, sa-buah mukim lebeh kurang 7 batu dari Bandar Brunei.

Mahani ada-lah terkenal sa-bagai sa-orang wanita yang ingin bergaul dengan kaum2 tani di-kampung-nya, terutama dalam bahagian amal kebajikan masha-rakat.

Ia-nya selalu mengambil baha-gian dalam gerakan2 mashara-kat saperti memungut derma dalam sa-suatu temasha suka dan duka di-kampung-nya.

Pembawaan-nya ingin bergaul dalam amal kebajikan itu bukan-lah sejak Saudari Mahani mema-soki Partai Rakyat, malah sa-belum itu pun ia telah mengam-bil bahagian dalam badan2 keba-jikan di-kampung-nya.

Saudari Mahani tidak kikok dengan pekerjaan kaum tani, kerana ia di-besarkan dalam ka-langan kaum tani.

Kalau tiada apa2 pekerjaan berhubung dengan kerja partai, Saudari Mahani, selalu pergi ber-kerja ka-sawah padi yang di-pu-nyai oleh keluarga-nya.

Kerja yang demikian ini bu-kan-lah di-kerjakan dalam masa sambilan2 malahan kerja itu ada-lah sa-bagai mata penchari-an hidup keluarga-nya sejak tu-run temurun.

Barangkali dengan sebab jerih payah yang di-tanggung-nya itu-lah maka Mahani mempunyai jiwa yang kuat untuk berjuang dalam segala lapangan itu ke-rana kepentingan bangsa-nya yang, tidak kunjong padam itu.

Masa ini Saudari Mahani ada-lah sa-bagai Pegawai Seksi Wanita Dewan Harian Pusat, Partai Rakyat, Brunei.

Walau pun kewajipan sa-bagai sa-orang pegawai Seksi Wanita mempunyai tanggungan yang berat dan banyak memerlukan ma-sa, Saudari Mahani, tidak ku-rang giat-nya menchampioni ge-rakan2 kebajikan di-kampung-nya.

Gadis ini bukan-lah sa-orang terpelajar tinggi. Saudari Ma-hani hanya belajar di-Sekolah Melayu Kilanas dan dalam masa yang singkat di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri Bandar Brunei.

Dalam masa persekolahan-nya Mahani pernah menjadi pandu puteri.

Saudari Mahani menerangkan sebab2 ia memilih lapangan politik:

"Sa-bagai sa-orang wanita yang sadar akan tanggung ja-wab-nya kepada bangsa dan ta-

nah ayer, terutama memandangi di-Brunei belum ramai wanita2 yang giat berjuang dalam lapang-an politik, maka sebab itu-lah



Saudari Mahani

saya mencheborkan diri ka-dalam lapangan tersebut."

"Tetapi saya rasa, mencherbor-kan diri ka-dalam lapangan poli-tik ada-lah suatu tugas yang amat berat, apa lagi sa-bagai sa-ya yang maseh muda dalam pe-ngalaman ini.

"Dalam pada itu saya chuba juga sambil belajar kursus poli-tik kepada Dewan Harian Pusat dan dengan membacha buku2 yang beraliran politik."

Sa-bagaimana gadis2 yang lain yang memandang masa hada-pan-nya dengan "Alam Kebaha-gian" Saudari Mahani tidak ke-tinggalan mengambil berat ten-tang urusan rumah tangga.

Sa-lain dari itu ia juga pandai jahit menjahit, sulam menyulam dan masak memasak.

Saudari Mahani tidak suka membuang masa-nya yang ko-song bagitu sahaja. Ia memenoh-kan dengan membacha buku2 kesusasteraan, pengetahuan, ke-budayaan dan lebeh2 lagi buku2 yang beraliran politik.

Ia mengambil berat dalam hal ahwal persuratan, kebudayaan, kesusasteraan dan lain2 pergera-kan untuk kebajikan masharakat.

Mengenal dari dekat, Saudari Mahani mempunyai perawakan yang manis dan menawan, dan mempunyai pembawaan Seri Kandi Tanah Ayer masa hada-pan.

Kita maseh ingat bahawa dalam Kongres Ketiga Partai Rak-yat, gadis manis ini, telah berka-ta antara lain:

"Kaum wanita ada-lah sa-bagai sa-belah sayap dari Burong Geruda. Burong Geruda yang sedang terbang di-angkasa tidak akan maju dan kuat jika sa-belah sayap-nya lemah. Bagitu-lah ibarat-nya kaum wanita da-lam perjuangan."

Saudari Mahani iuga tidak lupa menyeru kaum wanita da-lam Kongres tersebut dengan ber-kata:

"Mari-lah kita maju ka-hada-pan untuk menjadi alat bangsa dan negara, di-samping kita menjadi alat di-dapor rumah ma-sing2."—(AT).

RINDU DI-PAGI HARI RAYA

Desaku di-perlembahan suasana

aman,

Di-kelilingi keindahan sungai dan gunung2.

Terlindung indah-nya penaka

pengkuan Islam,

Umpama kemenangan tamat-nya berpuasa Ramadan,

Mesjid-nya tersergam besar

Terpanchar-lah suara

menderam bunyi

Allah-hu-Akbar, Allah-hu Akbar, Allah-hu Akbar

Walillah hil-ham.

Penduduk-nya bertakbir

di-malam mulia,

Menjelang-lah suria hari raya ...

Dinda pun berseru memanggil kanda

Mari bersama2 berjuang

di-tanah ayer.

Menegakkan Islam dan Negara,

Salam rindu kepada kanda dan kawan di-pagi hari raya.

— (M...Mas).....

Seria kalahkan Jesselton bermain golf

SERIA. — Dalam satu perla-wanan golf sa-chara persahabatan baharu2 ini, Panaga Golf Klab, Seria mengalahkan Jesselton Golf Klab dengan 9 perlawanan ber-balas 6.

Pemain2 dari kedua2 pasokan itu telah bermain dengan baik. Meskipun begitu pemain2 tempa-tan telah dapat mengalahkan Jes-selton sa-bagai mana tersebut.

JAMUAN KUEH DAN MINUMAN SA-BELUM MENGADAP



Hampir 10,000 orang laki2, perempuan dan kanak2 yang ber-kunjong ka-Istana Darul Hana kerana me-nyembahkan ucapan "selamat hari raya" kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah di-jamu dengan kueh2 dan minuman sa-belum mengadap Duli2 Yang Maha Mulia.

PERTANDINGAN MEREbutKAN PIALA McKERRON

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bola sepak untuk merebutkan Perisai Bola Sepak McKerron pada tahun ini telah mendapat sambutan yang baik dari pasukan2 bola sepak dari Daerah2 Brunei, Seria-Belait dan Miri.

Pertandingan tersebut akan mulai di-jalankan pada 6 April.

Antara pasukan2 yang akan bertanding ia-lah delapan pasukan yang akan bertanding pada kali yang pertama.

Pasukan2 yang baharu itu ia-lah lima pasukan2 dari Bandar Brunei, ia-itu Police Club, Medical, Upper Airport, P.W.D. Sports Club dan oFrelanders.

Dua pasukan ia-lah dari Seria-Belait, ia-itu P.W.D. (Belait) Sports Club dan Anthony Abell College.

Satu lagi pasukan yang akan

masuk bertanding dalam pertandingan tersebut pada kali yang pertama ia-lah dari Daerah Miri, ia-itu Machinda Club.

Pasukan2 yang telah biasa mengambil bahagian dalam pertandingan perisai tersebut pada tahun yang lalu dan akan masuk bertanding dalam pertandingan itu pada tahun ini ia-lah Kuala Belait Recreation Club (pemenang perisai tersebut), Police Club (Belait), Seria Recreation Club — Panaga, Klab Melayu Seria, Dayak Club, Sekolah Pertukangan B.S.P. dan Persatuan Kadazan.

Seria kalah 7 balas 2 dalam peraduan tennis di-Jesselton

SERIA — Jesselton telah mengalahkan Seria dalam pertandingan tennis dengan 7 perlawanan berbalas 2 di-Jesselton, Borneo Utara baharu2 ini.

Pertandingan itu ia-lah bahagian dua orang sahaja.

Kemenangan Seria telah diperolehi oleh Clement Chia dan V.K. Ommen. Mereka telah mengalahkan K. B. Chung dan Lee Kui Sui dengan 6-1 dan 10-8.

Dalam satu lagi perlawanan, Clement Chia dan V.K. Ommen telah mengalahkan P. Wise dan A. Chang dengan 4-6, 6-2 dan 8-6.

Di-antara pemain2 dari Jessel-

ton yang telah menunjukkan permainan mereka yang baik ia-lah johan pertandingan tennis Jesselton H. George dan Puan E.O. Plunkett.

H. George dan pasangan-nya Collin Wu telah mengalahkan G. H. Vaughan dan T. K. Das dari Seria dengan 4-6, 10-8 dan 10-8.

Puan E. O. Plunkett dan pasangan-nya H. George telah mengalahkan E. Klomp dan B. Herfst dari Seria dengan 7-5 dan 6-2.

Puan Plunkett dan George dalam satu lagi perlawanan telah mengalahkan V. K. Ommen dan Clement Chia dengan 6-0 dan 6-2.

Jadual2 sukan di-tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Jadual2 sukan dan lain2 permainan yang berchorak hiburan telah di-batalkan di-seluruh negeri dalam minggu ini berikutan dengan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Padang besar Pekan Brunei yang menjadi kunjangan peminat2 sukan pada petang hari adalah lengang kerana pertandingan2 telah di-tanggohkan semenjak petang Juma'at.

Peraduan memilih Ratu Kebaya yang di-jadualkan untuk di-adakan di-Kuala Belait Recreation Club pada malam Sabtu lepas telah juga di-tanggohkan.



Tangga Istana ka-ruangan tamu ini telah di-asingkan untuk ra'ayat perempuan dan kanak2 yang datang ka-Istana kerana menyembahkan "Selamat Hari Raya" kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Ra'ayat dari seluruh negeri telah di-sambut di-Istana dari pukul 8 pagi hari Rabu hingga pukul 6 petang tiap2 hari.

Tetapi oleh sebab Duli2 Yang Maha Mulia berduka-khita mendengar kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kunjangan ka-Istana itu telah di-pendekkan sa-hingga pukul 5 petang hari Juma'at.

PEMILEHAN ANGGOTA2 BAHARU ROYAL BRUNEI YATCH CLUB

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera telah di-pilih sa-mula menjadi Commodore Royal Brunei Yatch Club dalam meshuarat agong tahunan yang di-adakan di-sini pada 20 March.

Naib Commodore ia-lah Tuan W.I. Glass.

Meshuarat itu telah juga meluluskan lantikan2 yang berikut:

Tuan A.E. Moore (setiausaha), Tuan G. Roberts (penyimpan wang), Tuan A.W. Grant (setiausaha pelayaran), Tuan N.C. Peat (ketua perahu).

Ahli2 jawatan kuasa: Tuan H.C. Pigou, Tuan K. K. Law, Puan Whittaker dan Tuan A. Williamson.

Pertandingan tennis

SERIA. — Pertandingan tennis terbuka kepada pemain2 dari seluruh Brunei telah mulai di-jalankan pada hari Jumaat yang lalu.

Pertandingan tersebut di-adakan di-Bandar Brunei serta di-Seria dan di-bahagikan kepada bahagian sa-saorang dan dua orang.

Sports Club Brunei kalahkan Labuan

BANDAR BRUNEI. — Brunei Sports Klab telah mengalahkan Kesatuan Melayu Labuan dengan 3 gol berbalas 2 dalam satu perlawanan sa-chara persahabatan di-Padang Pekan Brunei pada bulan yang lalu.

Edmund Keasberry, Norman Vowles dan Chin Yin Yee telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi pihak Brunei Sports Klab, manakala Ismail dan Latif menjaringkan bagi pihak Kesatuan Melayu Labuan.

Pengiran Salleh telah mengadilkan perlawanan tersebut.

Pasukan pelawat itu telah mengejutkan para penunton dalam pertengahan yang pertama apabila mereka menjaringkan 2 gol tidak berbalas.

Bagaimana pun, pemain2 tempatan dengan mempunyai hati yang tabah dan bermain dengan lebeh cer-gas lagi dari pertengahan yang kedua.

Gol yang membawa kemenangan kepada pasukan tempatan telah di-jaringkan oleh Chin Yin Yee kira2 10 minit sa-belum tamat perlawanan tersebut.

ORANG2 SALAH MENDAPAT JAMUAN KUEH DAN KUNJONGAN HARI RAYA

JERUDONG. — Sa-rombongan yang terdiri dari 8 orang ahli jawatan kuasa Derma Hari Raya tahun 1960 telah berkunjung ka-penjara di-sini untuk menyampaikan hadiah2 kepada banduan2.

Jawatan kuasa yang di-ketuai oleh Pegawai Daerah Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad itu telah menyampaikan kueh2, buah2an, susu, ayer manis dan lain2 kepada banduan2 itu.

Mereka itu berkunjung pada 26 March dari pukul 11 pagi sa-telah melawat ka-rumah sakit.

Hadiah2 yang sa-rupa itu juga telah di-sampaikan kepada

orang2 sakit.

Di-rumah sakit hadiah2 itu telah di-terima oleh Pegawai Perubatan Negara, Dr. M. T. Read dan di-Jerudong oleh Penguasa Penjara, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim.

Gambar di-bawah ini menunjukkan ahli2 jawatan kuasa itu bergambar dengan kaki tangan penjara dan hadiah2 yang di-sampaikan kepada banduan2.



Berpuloh terbunuh akibat tembakan Polis

CAPETOWN (Afrika Selatan) — Kawasan2 rusohan Bophelong dan Boipelong di-Sharpeville, Afrika Selatan, di-mana beberapa orang Afrikan telah terbunuh oleh tembakan polis baharu2 ini ada-lah di-dalam keadaan tenang, demikian mengikut pengumuman polis.

Angka2 rasmi dan tidak rasmi mengenai kematian dan kecederaan ada-lah berbeza. Angka yang bukan rasmi mengatakan bahawa 45 orang telah terbunuh dan 208 orang tercedera dalam dua pertempuran tetapi angka rasmi menda'wa bahawa 45 orang telah mati dan 186 orang cecdera.

Rusohan2 itu terbit dari perakaran2 yang di-buat terhadap undang2 memaksa orang2 Afrikan membawa surat2 pengenalan, dan telah di-anjorkan oleh Kongres Seluruh Afrika, ia-itu satu kumpulan puak pelampau yang telah keluar dari Kongres Kebangsaan Afrikan.

Ada-lah di-jangka bahawa ke-

TUN RAZAK BUKA MESJID DI-FORMOSA

KUALA LUMPUR.—Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussein telah berlepas ka-Formosa dalam perjalanan ka-Jepun, demikian di-umumkan di-Kuala Lumpur dalam minggu lepas.

Tun Razak berkata bahawa beliau akan singgah di-Formosa untuk membuka sa-buah mesjid di-sana.

Beliau berkata: "Lawatan ini ada-lah sa-chara persendirian dan tiada kena mengena dengan soal politik dan yang berkaitan dengan-nva.

Ini ada-lah ranchangan persendirian di-antara persaudaraan Islam.

Beliau menerangkan bahawa Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman telah di-minta membuka mesjid itu tetapi beliau tidak dapat membuat lawatan tersebut.

kachauan tidak akan berlaku lagi dalam kawasan2 itu, dan banyak orang2 Afrikan telah mula balek bekerja sa-telah mengadakan mogok sa-lama dua hari sa-bagai membantah undang2 surat pengenalan tersebut.

Sembilan orang ahli Pertubuhan Bangsa2 Bersatu dari negara2 Afrika, ia-itu Ghana, Guinea, Libya, Morocco, Sudan, Tunisia dan Republik Arab Bersatu telah pun mengadakan meshuarat dan telah mengutok tindakan polis itu.

Di-Ottawa, Perdana Menteri Canada, Tuan John Diefenbaker telah mengulangi pengutokan Canada atas perbezaan warna kulit tetapi beliau enggan mengambil tindakan apabila di-desak dalam Dewan Ra'ayat supaya menghela Kerajaan Afrika Selatan atas dasar perbezaan warna kulit itu.

lit tetapi beliau enggan mengambil tindakan apabila di-desak dalam Dewan Ra'ayat supaya menghela Kerajaan Afrika Selatan atas dasar perbezaan warna kulit itu.

Di-London 600 orang telah berarak di-luar pejabat Pesuruhjaya Tinggi Afrika Selatan sa-bagai membangkang kematian yang berlaku dalam rusohan itu.

Pergelutan telah berlaku dengan polis yang menchuba menerangkan jalan2 raya dan sa-orang laki2 telah di-tangkap.

Orang2 yang menunjok perasaan itu termasuk-lah penuntut2, ahli2 dari Parti Liberal dan beberapa orang ahli2 kesatuan ugama.

Di-Washington Jabatan Negara berkata bahawa Kerajaan Amerika Shari'at berasa dukachita atas kehilangan nyawa yang di-sebabkan oleh langkah2 yang di-ambil oleh Polis itu.

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah mensifatkan pembakaran itu sa-bagai satu perbuatan yang tidak berperper kemanusiaan.

SEAFET akan menolong persidangan Bandoeng

KUALA LUMPUR.—Menteri Muda Penerangan dan Radio Persekutuan Tanah Melayu, Inche Syed Ja'afar Albar telah berkata bahawa ranchangan Malaya hendak menubuhkan perjanjian persahabatan dan ekonomi bagi Tenggara Asia (SEAFET) itu akan menolong melaksanakan dasar persidangan Afro-Asia di-Bandoeng.

Beliau telah berucap demikian di-persidangan penuntut2 antara bangsa mengenai soal bekerjasama di-kawasan Asia yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Inche Syed Ja'afar berkata: "Banyak negara2 yang mengadakan ranchangan2 sa-sama sendiri telah membuat perjanjian yang bertujuan melaksanakan sa-tengah dari usul2 persidangan Bandoeng.

"Sungguh pun harus susah hendak mendapatkan persetujuan semua negara2 Asia Afrika yang menchampori persidangan Bandoeng itu tetapi tiada-lah sebab bagi satengah2 negara dalam kawasan2 yang tertentu bersatu untuk melaksanakan sa-tengah2 dari keputusan2 persidangan Bandoeng."

Inche Syed Ja'afar berfikir bahawa tiada bangkangan akan datang dari ahli2 persidangan Asia-Afrika untuk mengadakan persatuan antara negara2 Tenggara Asia kerana bangkangan tiada di-dapati atas penubuhan Lembaga Arab dan juga persidangan antara negara2 Afrika.

Tentera pechahkan pakatan hendak menchulik Presiden Soekarno

JAKARTA — Ketua Bahagian Rahasia Tentera Indonesia, Lieutenant-Colonel Magenda berkata bahawa pehak tentera telah memecahkan satu pakatan hendak menchulik Presiden Soekarno.

Pakatan itu juga berchadang hendak menchulik lain2 pembesar Indonesia saperti Menteri Pertama Djuanda, Menteri Pertahanan Abdul Haris Nasution.

Pegawai2 lain yang dikatakan

KEPUTUSAN PILEHAN RAYA CEYLON

COLOMBO (Ceylon).—Tuan Dudley Senanayake pemimpin Parti United National telah mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri Ceylon dalam bulan lepas.

Parti United National telah muncul sa-bagai parti yang terbesar dalam pilehan raya Dewan Ra'ayat yang di-adakan baharu2 ini.

Sa-lepas mengangkat sumpah Tuan Senanayake mengumumkan dalam satu persidangan akhir bahawa Ceylon akan terus menjalankan dasar bebas dalam hal ahwal luar negeri. Parti United National akan menentang ranchangan hendak menjadikan milek negara ladang2 besar yang kebanyakan-nya di-punyai oleh British.

Tuan Senanayake telah juga berkata bahawa beliau akan menghadhiri persidangan Perdana Menteri Commonwealth di-London dalam bulan May.

Kedudukan parti2 dalam parlemen Ceylon ada-lah saperti berikut:

United National (50), Sri Lanka Freedom Parti (46), Tamil Federal Parti (15), Lanka Sama Samaj (10), Mahanaya Eksath Perajuna (10), Lanka Pratantrawadi Pakshaya (4), Parti Komunis (3) dan bebas dan lain2 (13).

Kemenangan Parti United National itu chuma 4 kerusi lebeh daripada Parti Sri Lanka Freedom yang di-ketuai oleh balu bekas Perdana Menteri, Tuan Solomon Bandaranaike yang telah terbunuh dalam bulan September lepas.

Oleh sebab kemenangan Tuan Senanayake tidak begitu besar dan beliau akan mengharapkan pada sokongan parti2 lain, pemerhati2 perchaya bahawa satu pilehan raya baharu mungkin di-adakan sa-belum penghujung tahun ini.

PEMODAL2 LUAR NEGERI BERSUNGGOH2 HENDAK MENANAM MODAL DI-MALAYA

KUALA LUMPUR — Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu, Inche Tan Siew Sin telah berkata bahawa ahli2 perusahaan luar negeri ada-lah bersunggo2 meminta kebenaran hendak menanam modal di-Malaya.

Inche Tan telah berucap kapada wakil2 dari 14 buah negara yang menghadhiri persidangan bekerjasama kawasan Asia di-sini baharu2 ini.

Beliau berkata bahawa sebab2 pemodal luar negeri bersunggo2 mahu menanam modal di-Malaya ia-lah hasil dari dasar kerajaan menggalakkan penanam2 modal mengusahakan bahan2 mentah yang boleh di-dapati di-negeri itu.

Kerajaan Persekutuan telah menentukan dasar perusahaan bebas dan kerajaan menyambut kedatangan modal asing ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Inche Tan berkata lagi bahawa modal tempatan dan shari'at2 yang mempunyai sa-bahagian dari modal-nya di-punyai oleh pemodal2 tempatan akan di-beri keutamaan dari shari'at2 yang di-punyai oleh bangsa2 asing.